

20/12/2000

Azam Peguam Negara baru

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Ainum Mohd Saaid, (kanan) yang dilantik sebagai Peguam Negara baru mulai tahun depan, berazam menjadikan jabatan itu lebih telus dalam menyalurkan maklumat kepada orang ramai.

Ainum berkata, masalah ketelusan menyebabkan masyarakat memandang negatif peranan jabatan itu lalu timbul pelbagai kritikan terhadap keberkesannya dalam menjalankan tugas.

"Saya percaya Jabatan Peguam Negara dikendalikan dengan baik oleh Tan Sri Mohtar Abdullah (Peguam Negara). Namun, saya akan memastikan ia lebih telus," katanya kepada pemberita selepas pelantikannya diumumkan oleh Pejabat Perdana Menteri, hari ini.

Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti (SC) itu berkata, beliau amat gembira dengan pelantikan itu dan akan berkhidmat dengan baik demi keadilan.

"Ia satu pelantikan menarik dan saya amat gembira," kata wanita pertama yang dilantik sebagai Pendakwa Raya dan penasihat undang-undang kepada kerajaan dalam sejarah negara itu.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana penghargaan itu.

"Ia satu bukti keyakinan mereka terhadap saya.

"Saya akan cuba sedaya upaya untuk tidak menghampakan mereka," katanya.

Kepada satu soalan, Ainum berkata beliau berharap dapat melakukan sesuatu untuk menjadikan undang-undang berkaitan wanita lebih baik.

Beliau menyebut contoh nasib wanita Islam seperti dibangkitkan beberapa pertubuhan wanita khususnya berhubung proses panjang untuk mendapatkan keadilan di Mahkamah Syariah.

"Ia bukan dalam bidang kuasa Peguam Negara tetapi jika ada apa-apa yang saya dapat membantu dalam masa lapang saya dan di luar skop tugas rasmi saya, saya pasti membantu," katanya.

Mengenai kritikan terhadap Jabatan Peguam Negara sejak akhir-akhir ini, Ainum berkata kritikan seperti itu berdasarkan kepada persepsi dan terlalu awal bagi beliau untuk mengulas.

Katanya, Jabatan Peguam Negara melakukan yang terbaik dan persepsi negatif tidak dapat dielak seperti juga terhadap jabatan lain.

Mengenai siasatan berhubung dakwaan pembabitian tokoh politik dan ahli perniagaan terkenal seperti dilaporkan kepada Badan Pencegah Rasuah (BPR), beliau berkata, semua pihak hendaklah memberinya peluang menyesuaikan diri dengan jawatan barunya.

"Sebelum memulakan tugas mulai 1 Januari ini saya akan mengadakan pertemuan dengan Tan Sri Mohtar dan kakitangan Jabatan Peguam Negara untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai perjalanan jabatan itu.

Ainum yang berasal dari Batu Gajah, Perak adalah lulusan Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada University Of Singapore dan Sarjana Undang-undang (Magna Cum Laude) daripada Vrije Universitat, Brussels, dilantik Timbalan Ketua Eksekutif Suruhanjaya SC mulai April tahun lalu.

Beliau yang mempunyai latar belakang dan pengalaman luas dalam bidang perundangan dan kehakiman pernah berkhidmat di Pejabat Peguam Negara sebelum menyertai SC mulai 1 Februari 1996 sebagai Pengarah Pengawasan Pemasaran.

Sementara itu, tokoh budayawan negara, Azah Aziz, menganggap pelantikan Ainum menandakan bermulanya era baru kepemimpinan wanita di negara ini.

Katanya, pelantikan wanita untuk menyandang jawatan penting adalah

kerana masyarakat mula menyedari kemampuan mereka untuk menjalankan tugas dengan baik dan sempurna.

"Wanita sepatutnya diberi lebih banyak peluang menyandang jawatan tinggi dalam sektor awam atau swasta kerana mereka kelayakan dan kemampuan yang dimiliki setanding kaum lelaki," katanya.

(END)